

## **PENGERANG, 12 April, 2019**

Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) ingin memaklumkan bahawa terdapat insiden berlaku pada 0125 pagi di Pengerang Integrated Complex (PIC) di Pengerang, Johor.

*Emergency and Fire Response Team* PETRONAS telah dikerahkan di tempat kejadian dan kebakaran dapat dikawal dalam masa 30 minit. Keadaan terkawal dan semua pihak berkuasa berkaitan telah dimaklumkan.

PIC merupakan pemegang taruh dalam Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang diselaras oleh pihak JPDC. Pihak JPDC bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, memudahcara dan mempromosi pembangunan PIPC.

Maklumat lebih lanjut akan diberikan sebaik sahaja JPDC berada dalam kedudukan untuk berbuat demikian.

Kami amat prihatin dengan sebarang kesulitan yang dilalui oleh komuniti setempat disebabkan insiden ini dengan demikian, untuk sebarang aduan, ianya mesti disertakan dengan salinan laporan polis bersama gambar atau video dan di hantar ke PBT Pengerang [aduan@pbtpengerang.gov.my](mailto:aduan@pbtpengerang.gov.my)

Disarankan untuk mendapatkan maklumat terkini dari sumber-sumber yang sahih.

**TAMAT**

**Komunikasi Strategik**

**JPDC**